

SET 1  
**BAHAGIAN A**

**Soalan 1 hingga 16**

*Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.*

- 1 “ Tuan Puteri Kesuma Dewi sedang bersantap bersama-sama keluarga \_\_\_\_\_,” kata dayang kepada Bendahara.

**A** beta  
**B** patik  
**C** tuanku  
**D** baginda
  
- 2 Nakhoda kapal itu mengarahkan anak-anak kapalnya agar \_\_\_\_\_ sauh untuk membolehkan mereka naik ke darat.

**A** meletakkan  
**B** melabuhkan  
**C** menjatuhkan  
**D** mencampakkan
  
- 3 Wajah ibu bapanya yang amat dikasihi sering \_\_\_\_\_ dalam ingatan Jian Ling sepanjang penerbangannya ke tanah air.

**A** meniti  
**B** merindui  
**C** menjelma  
**D** melingkar

**Soalan 4** berdasarkan gambar di bawah.



- 4 Anak kecil itu \_\_\_\_\_ dari pangkuan ibunya kerana hendak bermain-main.
- A berlungsur
  - B melungsur
  - C melungsuri
  - D melungsurkan


**Soalan 5** berdasarkan gambar di bawah.



- 5 Mak Limah duduk di bawah rumah sambil \_\_\_\_\_ lidi untuk dibuat penyapu.
- A meraut
  - B melarik
  - C mengikis
  - D menghiris
- 6 Pertarungan \_\_\_\_\_ antara kedua-dua pasukan bola sepak itu menyebabkan Stadium Bukit Jalil riuh –rendah dengan sorakan penonton.
- A hebat
  - B sengit
  - C hangat
  - D dahsyat

- 7 "Dengan menggunakan se\_\_\_\_\_ kata ini, kamu dikehendaki menulis \_\_\_\_\_ se \_\_\_\_\_ ayat." Kata Cikgu Linda kepada murid-muridnya.
- A patah ...baris  
B buah ...buah  
C cebis ...deret  
D kerat ...perenggan


**Soalan 8** berdasarkan gambar di bawah.



- 8 Beberapa \_\_\_\_\_ cendawan tumbuh pada batang pokok getah yang reput itu.
- A kaki  
B kuntum  
C tangkai  
D kelopak
- 9 Peniaga itu seorang yang \_\_\_\_\_ kerana tidak pernah menghulurkan derma untuk kerja kebajikan.
- A hati batu  
B makan suap  
C kepala angin  
D tangkai jering
- 10 Oleh sebab tidak tahan oleh leteran ibunya, dia terus \_\_\_\_\_ dari tempat itu.
- A angkat kaki  
B angkat muka  
C angkat bakul  
D angkat tangan

- 11 Pesta buku yang diadakan di Dewan Tasik Putih itu akan berlangsung \_\_\_\_\_ hujung bulan ini.
- A di  
B pada  
C untuk  
D hingga
- 12 Kementerian Pelajaran sedang \_\_\_\_\_ usaha untuk memastikan murid-murid dapat menguasai kemahiran membaca dan menulis.
- A mengemaskinikan  
B menguatkuaskan  
C melipatgandakan  
D menambahbaikan

Soalan 13 berdasarkan gambar di bawah.



- 13 Dalam perjalanan pulang dari sekolah, Amran ternampak sebatang pokok tumbang \_\_\_\_\_ jalan.
- A melintasi  
B merentasi  
C merintangi  
D menyusuri

### **Soalan 14 - 15**

*Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.*

- 14** I Murid-murid prasekolah menyertai acara merebut pundi kacang ke dalam bakul.  
II Dia gagal merebut undi terbanyak bagi pemilihan pengurus belia di kampongnya.  
III Penulis itu berjaya merebut hati pembaca dengan gaya bahasa yang indah.  
IV Ali ingin merebut kembali gelaran Raja Pecut Asia yang pernah dimenanginya dahulu.

- A** I dan II  
**B** II dan III  
**C** III dan IV  
**D** I dan IV

- 15** I Jambatan itu sudah siap bina.  
II Yoong ambil bina terhadap nasihat gurunya.  
III Nina mengikuti kursus seni bina di universiti.  
IV Bangunan baharu itu akan kami bina tidak lama lagi.

- A** I dan II  
**B** II dan III  
**C** I dan III  
**D** III dan IV

### Soalan 16.

*Pilih jawapan yang sesuai bagi ayat tanya di bawah .*

Apakah bahan-bahan yang diperlukan untuk menambahbaikan kelazatan masakan ikan patin?

- 16** **A** Selain ikan patin, ikan sungai juga sangat lazat untuk dimakan.  
**B** Rempah ratus yang cukup dan ikan patin segar menjadikan masakan itu lazat.  
**C** Masakan ikan patin akan menjadi lazat sekiranya ikan itu tidak hanyir.  
**D** Masakan asam pedas memang menambahkan kelazatan ikan patin.

## **Soalan 17 - 20**

*Baca iklan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

**NATIONAL / PANASONIC**  
Matshusita Electronics Corporation (M) Sdn. Bhd.

Matshusita Electronics Corporation (M) Sdn. Bhd adalah merupakan peneraju ulung dalam pengeluaran Tiub Gambar Berwarna yang terletak di Shah Alam. Untuk memenuhi keperluan pembesaran, kami memerlukan warganegara Malaysia yang rajin dan bercita-cita tinggi untuk mengisi kekosongan bagi jawatan berikut:

### **Kakitangan Pengeluaran**

- ▶ Menamatkan pengajian Tingkatan 5 atau memiliki PT3 dengan 2 tahun pengalaman
- ▶ Lelaki, berumur 24 tahun ke bawah
- ▶ Sedia bekerja 3 shif
- ▶ Boleh bertutur dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris

### **Antara Kemudahan yang kami sediakan ialah:**

- ▶ Elaun Intensif
- ▶ Pengangkutan Percuma
- ▶ Kenaikan gaji selepas disahkan jawatan
- ▶ Kemudahan sukan dan riadah

Kepada calon-calon yang berminat, anda dijemput untuk menghadiri temu duga terbuka seperti butiran yang berikut :

Tarikh : 26hb Ogos hingga 28hb , 2016 (Setiap hari)

Masa : 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari

Tempat : Matshusita Electronics Corporation (M) Sdn . Bhd.

Lot 1, Persiaran Tengku Ampuan, Seksyen 21, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03 5416988

**17 Berapa harakah temu duga terbuka itu dijalankan?**

- A** Dua hari
- B** Tiga hari
- C** Empat hari
- D** Lima hari

- 18** Mengapakah syarikat tersebut mengambil pekerja-pekerja baru?
- A** Memajukan negara
  - B** Menambahkan hasil pengeluaran
  - C** Memberi peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia
  - D** Mengelakkan dirinya sebagai pemimpin ulung dalam pengeluaran Tiub Gambar Berwarna
- 19** Siapakah yang layak bekerja di syarikat tersebut?
- A** Warganegara Malaysia
  - B** Pemuda Melayu sahaja
  - C** Pemuda berusia lebih 24 tahun
  - D** Warganegara Malaysia yang menamatkan persekolahan hingga ke Tingkatan Lima
- 20** Mengapakah syarikat tersebut menyediakan pelbagai kemudahan kepada pekerjanya?
- A** Pengeluaran dapat ditambah
  - B** Mengelakkan imej syarikat
  - C** Pekerja dapat bekerja dengan mudah
  - D** Agar orang ramai tertarik bekerja dengan syarikat tersebut